

PRESTASI MCA PADA PILIHAN RAYA UMUM KE-14 (2018)

MCA PERFORMANCE IN 14TH GENERAL ELECTION (2018)

Mohd Fitri Abdul Rahman

Senior Lecturer, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia, Email:mohdfitri@uum.edu.my

Article history

Received date : 23-8-2020
Revised date : 24-8-2020
Accepted date : 7-10-2020
Published date : 8-10-2020

To cite this document:

Mohd Fitri Abdul Rahman (2020). Prestasi MCA pada Pilihan Raya Umum ke-14 (2018). *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3 (13), 16 - 23.

Abstrak: *Mutakhir ini prestasi Malaysian Chinese Organisation (MCA) dalam pilihan raya semakin merosot. Malah penyusutan sokongan terhadap MCA berlaku sejak tahun 2008 lagi. Pada Pilihan Raya Umum ke-14, MCA hanya menang satu kerusi berbanding tujuh kerusi yang dimenangnya pada Pilihan Raya Umum ke-13. Terdapat beberapa faktor menyebabkan kekalahan MCA pada Pilihan Raya Umum ke-14. Di antaranya ialah disebabkan kelemahan kepimpinan MCA, kemunculan serta kekuatan Pakatan Harapan, penyelewengan dan salah-guna kuasa pentadbiran Najib termasuk isu-isu IMDB dan GST. Namun dengan kemenangan MCA di Tanjung Piai dan peralihan kepimpinan kerajaan kepada Perikatan Nasional baru-baru ini, menimbulkan pertanyaan 'adakah MCA akan bersinar kembali'*

Kata kunci: *pilihan raya, sokongan, parti-parti politik, prestasi*

Abstract: *Lately MCA's performance in the elections is declining. In fact, support for MCA shrinkage occurred since 2008. In the 14th General Election, MCA won only one seat compared to the seven seats it won in the 13th General Election. There are several factors that led to MCA's defeat in the 14th General Election. Among them are due to the weakness of the MCA leadership, the emergence and strength of PH, irregularities and abuse of power of the Najib administration including the issues of IMDB and GST. But with MCA victory in Tanjung Piai and the transitional government led to the National Alliance recently, raised the question "whether the MCA would shine again"*

Keywords: *elections, support, political parties, performance*

Pengenalan

Prestasi parti Malaysian Chinese Organisation (MCA) mutakhir ini sering diperkatakan terutama apabila hanya menang satu kerusi Parlimen pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Prestasi MCA sebenarnya kian merosot sejak PRU-12, PRU-13, dan terus menjunam pada PRU-14. Sebenarnya MCA yang merupakan parti gabungan dalam BN merupakan parti yang kuat dan menyumbang besar kepada kemenangan besar BN terutama pada pilihan raya 1995, 1999 dan 2004. Sebenarnya kemerosotan undi terhadap MCA harus dilihat bersama kemerosotan Barisan Nasional (BN) secara keseluruhan kerana MCA merupakan ahli gabungan bersama parti-parti lain seperti UMNO dan MIC di dalam BN.

Objektif Kajian

1. Menjelaskan prestasi MCA pada PRU-13, 2013
2. Membincangkan prestasi MCA pada PRU-14, 2018
3. Menganalisis faktor-faktor kekalahan MCA pada PRU-14, 2018

Metod Kajian

Metod kajian ini adalah berdasarkan kepada sumber sekunder iaitu buku-buku, jurnal, akhbar, majalah dan dari sumber media sosial seperti internet. Perbincangan ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu, pengenalan, prestasi MCA pada PRU-13, prestasi MCA pada PRU-14, faktor-faktor kekalahan MCA pada PRU-14 dan akhirnya rumusan hasil perbincangan.

Prestasi MCA pada PRU-13

Pada PRU-13, di peringkat kerusi Parlimen, BN hanya memenangi 133 kerusi berbanding 140 kerusi pada PRU-12. BN gagal memperolehi majoriti 2/3, hanya mendapat 47 peratus undi popular berbanding Pakatan Rakyat (PR). PR memperolehi 89 kerusi Parlimen, berbanding 82 pada 2008. Sementara bagi MCA pula, pada PRU-13 pula, hanya menang 7 daripada 37 kerusi Parlimen yang ditandingi, dan hanya 11 daripada 90 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Di Pulau Pinang MCA kalah kesemua 10 kerusi dan hanya menang hanya menang satu daripada 16 kerusi yang ditandingi di Perak, di Selangor MCA menang dua daripada 14 kerusi yang ditandingi dan hanya dua daripada 11 kerusi di Negeri Sembilan. Pada PRU ke-12, MCA hanya memperolehi 15 dari 40 kerusi yang dipertandingkan di peringkat Parlimen. Pengundi kaum Cina telah menunjukkan kecenderungan menolak BN sejak PRU ke-12 dan lebih jelas dalam PRU ke-13. (Mohd Nor, 2017).

Menurut Junaidi (2013) di antara faktor-faktor penolakan pengundi Cina terhadap BN (MCA) ialah;

- a. Keperibadian, ketokohan kepimpinan DAP seperti Lim Guan Eng yang dilihat lebih berwibawa dalam mentadbir negara.
- b. Konflik dalaman MCA. Konflik dalam MCA berterusan sejak Tun Dr. Ling Liong Sik dan Tan Sri Lim Ah Lek sebagai Presiden dan Timbalan Presiden MCA. Situasi ini, berlarutan sehinggalah era Dato' Seri Ong Tee Keat dan Datuk Seri Chua Soi Lek.
- c. Sikap dan pemikiran pengundi bandar yang lebih terbuka terutama memperoleh banyak maklumat dari sumber media sosial. Pengundi bandar menolak BN yang didapati tidak menawarkan janji-janji manifesto yang menarik perhatian mereka.

Menjelang PRU-13, program transformasi yang diperkenalkan Perdana Menteri dilihat gagal memikat tiga kategori pengundi iaitu pengundi Cina, pengundi luar kawasan dan pengundi muda. Justeru, BN selaku pemerintah pusat perlu melakukan sesuatu, mungkin

menreformasikan strategi politik dan pemimpin mereka ke arah menawan semula hati tiga kategori pengundi yang dinyatakan di atas agar mendapat mandat yang lebih kukuh iaitu majoriti 2/3 kerusi Parlimen seterusnya menawan semula ‘negeri-negeri kaya’ iaitu Selangor dan Pulau Pinang pada PRU akan datang (Mohd Nor, 2019). Malangnya BN gagal memikat hati pengundi, bukan sahaja pengundi bandar tetapi juga pengundi di luar bandar, malah kemelut pentadbiran BN di bawah kepimpinan Najib menjelang PRU-14, meresahkan rakyat. Hasilnya, sekali lagi rakyat menolak BN pada PRU-14. Faktor-faktor penolakan pengundi Cina terhadap MCA pada PRU-13 terus mengcengkam dan berterusan menyebabkan pengundi Cina menolak MCA pada PRU-14.

Prestasi MCA pada PRU-14

PRU-14 diadakan pada 9 Mei 2018. Pakatan Harapan yang memenangi 121 kerusi Parlimen berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan. BN pula hanya memperoleh hanya 79 kerusi Parlimen merosot 54 kerusi yang dimenangnya pada PRU ke-13. Pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) BN hanya menguasai dua kerajaan negeri iaitu Pahang dan Perlis. Sementara bagi MCA hanya menang satu kerusi daripada 39 kerusi Parlimen dan 2 daripada 90 kerusi Dewan Undangan Negeri, sekali gus kekalahan paling teruk dalam sejarah 69 tahunnya. Satu kerusi Parlimen yang dimenangi MCA ialah di Ayer Hitam yang diwakili Timbalan Presidennya, Wee Ka Siong dan dua kerusi DUN yang dimenangi ialah di Cheka, Pahang dan Titi Tinggi, Perlis. Presiden MCA, Liow Tong Lai kalah di kerusi Parlimen Bentong kepada calon PKR, Wong Tack. Dengan kekalahan itu, Liow melakar sejarah sebagai presiden MCA pertama yang tewas dalam pilihan raya umum (Malaysiakini, 9 Mei 2018). Parti MCA seolah-olah telah ditolak oleh sebahagian besar pengundi kaum Cina apabila sebahagian besar calonnya mengalami kekalahan (Mohd Nor, 2019). Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah kerusi yang dimenangi parti-parti politik pada PRU-14.

Jadual 1: Jumlah Kerusi Yang Dimenangi Parti-Parti Politik Pada PRU-14

PARTI POLITIK	JUMLAH KERUSI MENANG
PARTI-PARTI KOMPONEN BN	
UMNO	54
PBB	13
PRS	3
MIC	2
SPDP	2
MCA	1
SUPP	1
UPKO	1
PBRIS	1
PBS	1
PARTI-PARTI DALAM GABUNGAN PH	
<i>PKR</i>	47
<i>DAP</i>	42
<i>PBBM</i>	13
<i>AMANAH</i>	11
<i>PARTI WARISAN SABAH</i>	8

Sumber : SPR, 2018 (disesuaikan)

Kemenangan yang berpihak kepada parti pembangkang PH telah membuktikan bahawa gelombang perubahan politik dan proses pendemokrasian itu adalah tidak asing dan ianya mampu direalisasikan dan ianya bersifat inklusif dengan mengambil kira aspek yang merentasi masyarakat majmuk. PRU14 tersebut dikenali sebagai 'ibu segala pilihan raya' di mana ia menyaksikan kejatuhan rejim dominan authoritarian Barisan Nasional (BN) yang dianggotai oleh beberapa parti politik utama seperti United Malays National Organisations (UMNO), Malaysian Chinese Association (MCA), dan Malaysian Indian Congress (MIC) (Shahidah, Ariff, Ahmad Firdaus, 2019).

Faktor kekalahan MCA pada PRU-14

Terdapat banyak faktor yang melengkari sebab-sebab kekalahan BN dan MCA pada PRU-14. Menurut Junaidi (2019) bahawa tekad untuk menjatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU 2018. Berikut diperdalami faktor kekalahan MCA pada PRU-14.

1) Kelemahan kepimpinan parti MCA dan kekuatan pimpinan DAP

Kelemahan kepimpinan MCA serta kekuatan dan ketokohan pimpinan DAP merupakan di antara faktor penolakan pengundi Cina terhadap MCA. Kelemahan pertama adalah kerana berlaku konflik dalam kepimpinan MCA, berlaku beberapa kali sejak penubuhannya namun meruncing sejak sebelum PRU-12. Konflik dalam MCA berterusan sejak Tun Dr. Ling Liong Sik dan Tan Sri Lim Ah Lek sebagai Presiden dan Timbalan Presiden MCA. Situasi ini, berlarutan sehinggalah era Dato' Seri Ong Tee Keat dan Datuk Seri Chua Soi Lek dalam PRU-13 (Junaidi, 2013). Konflik kepimpinan dalam MCA ternyata menimbulkan krisis keyakinan pengundi terutama pengundi Cina terhadap MCA. Pengundi Cina mula beralih kepada parti-parti lain yang dilihat mampu membela nasib rakyat dan memajukan negara. Sementara keperibadian dan karisma pemimpin DAP terutama bagaimana DAP mentadbir Pulau Pinang merupakan faktor di mana pengundi Cina mengundi DAP pada ketiga-tiga PRU tersebut di peringkat negeri dan juga Persekutuan.

Menurut bekas pemimpin MCA, Yap Pian Hon, prestasi MCA kini berada pada tahap paling buruk sejak menyertai Barisan Nasional (BN) dan ia seharusnya membuka mata mengenai sejauh mana barisan kepimpinan sedia ada masih kekal relevan untuk memimpin parti. Menurut Pian Hon, tidak pernah dalam sejarah, MCA mengalami kekalahan teruk sehingga hanya ada satu wakil saja di Parlimen dan keadaan itu perlu menjadi 'amaran' kepada parti berkenaan supaya bangkit mengembalikan kegemilangannya. "Barisan kepimpinan hari ini sudah mewujudkan masalah besar kepada parti dan mereka perlu bertanggungjawab ke atas semua kekalahan berkenaan." Menurut Pian Hon lagi, kemerosotan sokongan pengundi kepada parti itu sebenarnya bermula pada 2013, namun pemimpin MCA terus dibuai dengan mimpi dan tidak mengambil langkah segera untuk mengatasinya. Sebagai parti yang sudah lama wujud, MCA seharusnya perlu peka dengan perkembangan politik semasa dan tahu apa yang pengundi mahu (BH Online, 9 Sept.2018). Manakala menurut Mohd Zakaria & Amer Saifude (2018), PH menang dengan majoriti mudah disebabkan faktor ekonomi dan kepimpinan.

2) Kebangkitan PH (ketokohan Mahathir Mohammad)

Menjelang PRU-14, beberapa buah parti seperti PKR, Bersatu (parti yang diasaskan oleh Tun Mahathir), DAP dan AMANAH bersatu membentuk gabungan PAKATAN HARAPAN (PH). Apabila sahaja ditubuhkan PH bermula garang untuk meranapkan pemerintahan BN dan pentadbiran Najib dan berjanji menghapuskan rasuah dan segala salah-guna kuasa serta mengadili mereka yang terlibat dalam setiap penyelewangan dalam pentadbiran negara. Ternyata perjuangan PH berupaya memancing masyarakat massa termasuk pengundi-pengundi Cina. Apatah lagi, pengundi-pengundi Cina terutama di kawasan bandar telah mengundi PKR dan DAP sejak PRU-12 dan PRU-13 lagi.

Di antara manifesto PH pada PRU-14 bertema “Membina Negara Memenuhi Harapan,” ialah pemansuhan GST. GST dimomokkan sebagai suatu sistem percukaian yang mengakibatkan kenaikan harga barang serta menyusahkan rakyat. Tatkala PH ingin menghapuskan GST, BN pula berkeras ingin mengekalkannya. Pemansuhan GST ini juga dikelaskan sebagai satu perbezaan yang amat ketara di mana manifesto BN tidak mengketengahkan idea untuk memansuhkan GST yang diperkenalkannya. Lantaran itu, PH menjadikan polemik ini sebagai satu modal politik untuk menyerang pentadbiran kerajaan BN (Ariff, Mohd Khairuddin, 2018).

Sementara itu, langkah Tun Mahathir yang kembali ke arena politik seiring dengan sokongan Anwar Ibrahim dari penjara, bakal bersama membarisi kepimpinan PH ternyata berupaya memancing sokongan rakyat. Apatah lagi apabila Tun Mahathir yang selama ini memusuhi DAP, kini berupaya berkerjasama dan bertekad untuk menjatuhkan BN. Sokongan pengundi Cina terhadap DAP dan PH makin memuncak. Manakala ketokohan Tun Mahathir, Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng bersama beberapa pemimpin lain, menaikkan imej PH di mata rakyat.

Strategi PH menggunakan logo PKR disamping pemilihan Tun Dr. Mahathir sebagai calon Perdana Menteri jika PH berjaya menawan Putrajaya dapat meyakinkan rakyat untuk membuat keputusan penting politik negara dengan memilih PH sebagai pemerintah di negara ini. Manakala Anwar Ibrahim tokoh politik matang berjuang tanpa mengenal erti kalah dan penat lelah berpegang kepada ‘kalau takut kepada risiko/cabaran, usah bicara tentang perjuangan’(Mohammad Qayuum, 2018c). Bagi Krishnamoorthy (2018) Tun Dr. Mahathir Mohamad digelar wira negara di atas usaha-usaha beliau memimpin dan menyelamatkan Malaysia dari terus dibelenggu dengan masalah korupsi dan penyelewangan. Menurutnya ‘Tsunami Malaysia’ pada PRU-14 adalah pembebasan negara dari pemerintahan ‘Kleptokrasi’ BN.

3) Pentadbiran Najib dan dasar ekonomi BN

Isu kepimpinan Perdana Menteri Najib dan beberapa pembaharuan dalam pentadbiran beliau turut memberi kesan terhadap sokongan undi terhadap MCA dan BN. Isu-isu 1MDB, rasuah, salah-guna kuasa dan beberapa isu penyelewangan yang lain yang membabitkan keluarga Najib turut mendapat perhatian meluas rakyat. Apatah lagi penyelewangan yang turut dilakukan oleh pemimpin-pemimpin BN dilihat pengundi bahawa BN yang turut dianggotai oleh MCA bukanlah sebuah parti yang bersih. Ini menyebabkan pengundi-pengundi mula meminggirkan diri dari MCA dan BN. Persepsi terhadap pemimpin BN yang dikaitkan dengan isu rasuah seperti isu 1MDB dan pemimin utama BN mempengaruhi keputusan pengundi (Mohd Noor, 2020).

Kajian oleh Nurul Naemah, Syed Agil dan Akmar Hayati (2019) mendapati penonjolan isu tempatan memberi impak yang signifikan terhadap perilaku pengundi dalam PRU ke-14. Isu-isu berlegar pada pentadbiran Najib seperti kenaikan harga barang, peluang pekerjaan, korupsi dan nepotisme serta pelaksanaan GST mempengaruhi perilaku pengundi. Begitu juga menurut Mohd Zakaria & Amer Saifude (2018) PH menang majoriti mudah disebabkan faktor ekonomi dan kepimpinan. Isu GST, skandal 1MDB, FELDA FGV dan pemimpin kleptokrasi menjurus kepada kewujudan 'Malaysia Baharu' di mana usaha-usaha menghidupkan politik rasional dan berintegriti bagi memulihkan kembali kestabilan ekonomi dan politik di negara ini (Harold, 2018). Ternyata isu kos sara hidup, isu GST dan isu 1MDB menyebabkan pelbagai peringkat rakyat menolak pemerintahan BN dan memilih PH (Mohd Agus, 2018, Gunasegaram 2018).

Menurut Mohd Noor (2020), juga menyatakan isu-isu ekonomi seperti isu GST, kenaikan harga barang pengguna, masalah pengangguran, harga petrol mempunyai hubungan rapat dengan penolakan pengundi terhadap calon BN. Sementara PH pula menawarkan pilihan yang lebih baik bagi rakyat Malaysia melalui Manifesto Pilihan raya PH.

4) Sikap pengundi Cina

Faktor sokongan etnik Cina kepada parti politik lebih bersifat universal iaitu mementingkan isu nasional seperti isu rasuah, keadilan dan ketelusan berbanding isu lokal/setempat. Mereka juga bersifat 'berani berubah' secara total atau disebut sebagai 'tsunami politik' dengan memecah tembok 'status quo' BN (Junaidi, 2017).

Kajian oleh Mohd Fitri (2018) mendapati pengundi Cina memilih parti-parti politik yang berjuang untuk perpaduan dan keharmonian serta pembangunan dan kemiskinan. Jelas pengundi-pengundi Cina akan menyokong parti-parti yang berjuang untuk semua kaum di negara ini, yang membawa maksud mereka menyokong bukan sahaja parti politik yang berjuang untuk masyarakat Cina, juga untuk kaum Melayu, India serta lain-lain. Sementara itu, pengundi-pengundi Cina turut mengutamakan parti-parti politik yang berjuang atau mengutamakan alam sekitar, kemanusiaan, calon-calon yang berwibawa, menunaikan manifesto serta mempunyai rekod yang baik. Pengundi Cina berpendapat isu-isu ini adalah selari dengan perjuangan DAP.

Sejak PRU 2008 hingga PRU 2018, pengundi Cina di kebanyakan kawasan bandar di Malaysia mula memberi sokongan yang kuat kepada DAP dan pembangkang. Ini menyebabkan parti majoriti Cina BN seperti MCA dan Gerakan mula hilang populariti secara signifikan. Kawasan bandar lewat dasawarsa ini, dengan penolakan ramai orang Cina yang semakin meluas terhadap BN dan MCA, mula menjadi kubu kuat DAP (Muhamad Nadzri, 2020).

5) Media sosial

Isu-isu kebangkitan dan kekuatan PH, salah-guna kuasa dan penyelewengan Najib, 1MDB, GST malah kesemua isu-isu kempen dalam PRU-14 turut digarapi dan dimanipulasi oleh media sosial. Media sosial dikatakan begitu berpengaruh dalam membentuk pemikiran pengundi, malah media sosial turut digunakan oleh calon dan parti-parti politik untuk berkempen. Lee Kuok, Rizal dan Idris (2018) menyatakan media memainkan peranan penting membentuk pemikiran pengundi, malah ia merupakan sumber maklumat politik yang utama kepada rakyat dalam masyarakat demokratik meskipun berita bukanlah kebenaran mutlak, apatah lagi fakta dan fiksyen sering kali dicampur aduk bagi maksud mencapai agenda tersembunyi. Dalam kajian mereka berjudul *Propaganda dan Disinformasi: Politik Persepsi Dalam PRU ke-*

14 Malaysia, mendapati bahawa media baharu sekali lagi dilihat memainkan peranan penting dalam menetapkan dan membentuk wacana publik dalam PRU ini. Dalam hal ini, pengundi-pengundi Cina yang kebanyakan merupakan pengundi-pengundi bandar, yang terdedah kepada pengaruh dan perluasan laporan media sosial menolak MCA pada PRU-14.

Kesimpulan

Terdapat banyak sebab bagi penolakan pengundi Cina terhadap MCA, yang sebenarnya juga memperlihatkan penolakan sebahagian besar pengundi terhadap BN dan memilih PH bagi menerajui kepimpinan negara ini. Namun pasca PRU-14 memperlihatkan pula senario baru politik negara dan tentang masa depan BN dan MCA. Pada 16 November 2019, BN meraih kemenangan besar mengalahkan PH pada PRK Tanjung Piai, Johor. Sementara pada 1 Mac 2020 yang lalu, terbentuk Kerajaan Persekutuan baru iaitu Perikatan Nasional (PN). PN, iaitu muafakat parti-parti BERSATU, UMNO, PAS, MCA dan MIC serta beberapa buah parti politik dari Sarawak mengambil alih kerajaan dari PH, memperlihatkan kepelbagaian baru arena politik tanahair. Menjelang PRU-15, apakah nasib MCA?

Rujukan

- Ariff Aizzuddin Azlan & Mohammad Khairuddin. (2018). Ayunan Bandar Dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 45 (2), 251-272*
- BH Online, 9 Sept.2018.
- Gunasegaram, P. (2018). 1MDB: The scandal that brought down a government. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 15 issue 4 (220-232) © 2019, e-ISSN 2682-7727.*
- Junaidi Awang Besar Trend. (2017). Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13. *e-Bangi, Journal of Social Sciences and Humanities. Vol. 12, No. 2 (2017) 126-149, ISSN: 1823-884x.*
- Junaidi Awang Besar. (2017). Geografi Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang: Analisis Prestasi MCA dan DAP dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013: *Geografi Vol. (5), No. (1), (2017), 12-25 © Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2017 ISSN 2289-4470 /eISSN 2462-2400 12.*
- Harold Jangus. (2018). May 9th 2018: The day Malaysians finally opened their eye and saved the nation!. Puchong: Vinlin Press Sdn Bhd.
- Krishnamoorthy, M. (2018). May 9 people power saves Malaysia: Mahathir leads the way. Petaling Jaya: *Krishnamoorthy Muthali.*
- Lee Kuok, Rizal dan Idris.(2018). Propaganda dan disinformasi: politik persepsi dalam pilihan raya umum ke-14 (pru-14) Malaysia. *Jurnal Kinabalu, 1 – 21.*
- Lim Kok Hong (2012) Realistik politik orang Cina. *Dlm Pemikir. Januari-Mac. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.*
- Malaysiakini, 9 Mei 2018
- Mat Yazid, M. N. (2019). Faktor Sabah, Sarawak dan Johor dalam Pembentukan Kerajaan Pusat Malaysia: Analisis Pilihanraya Umum Ke- 13 dan Ke- 14. *International Journal of Law, Government and Communication, 4 (14), 87-96.*
- Mohd Agus Yusof. (2018, Mei). Pasca-PRU14: Ke Mana Kita Selepas Ini?. *Bicara Persada ke 44 UKM (Siri Wacana Pasca-PRU14). Persada Canselori UKM.*

- Mohd Noor Yazid. (2020). Pencapaian Calon BN Bukan Melayu di Kawasan Parlimen Majoriti Pengundi Melayu dari PRU Ke-11, 2004 Hingga PRU Ke-14, 2018: Satu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (19), 95-106. DOI: 10.35631/
- Mohd Zakaria Ibrahim & Amer Saifude Ghazali. (2018). Ayunan sokongan rakyat Malaysia dalam Pilihanraya Umum 1999-2018. *Malaysia Brunei Forum 2018 (MBF 2018)*. *Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia*.
- Mohammad Qayyum A. Badaruddin. (2018c). Anwar Ibrahim: Dari penjara ke istana. Cheras: Casamas Resources Sdn. Bhd
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2020). Pilihan Raya dan Politik Malaysia Pasca PRU 2018: Persaingan, Dinamik dan Implikasi Jebat: *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (1) (April 2020): 150-175 UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper).
- Nurul Naemah, Syed Agil dan Akmar Hayati.(2019). Media, Isu dan Tingkah Laku Pengundi dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Satu Kajian Awal. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 293 – 312.
- Rahman, M. F. A. (2019). The Demand and Bargaining in Barisan Nasional. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(14), 109-116.
- Rahman, M. F. A. (2016). Tren Pengundian dan Dinamika Politik Cina di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 1(1), 14-24.
- Suresh Kumar & Sivarajan Ponniah. (2018). Tsunami India Dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Peralihan Sokongan Daripada Politik Etnik Kepada Politik Multietnik: *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 45 (2): 206-231 @ Centre For Policy and Global Governance (GAP), UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)